## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 15 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | CRACKDOWN ON PADI SEED SHENANIGANS, NATION, THE STAR -6<br>KPKM SUDAH BUAT TANGKAPAN, NEGARA, KOSMO -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 3. | TANGGUH OPERASI KEMASUKAN BENIH IKAN BAHARU, NASIONAL, SH -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 4. | JUALAN RAHMAH, AGRO MADANI TERUS JADI TUMPUAN, NEGERI, SH -28 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 5. | ACM, BASF PERKASA SEKTOR PERTANIAN, BISNES, SH -30 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 6.<br>7.<br>8.<br><br>9.<br>10. | UMT BANTU ORANG BUTA TANAM MELON, NEGARA, KOSMO -18<br>SUNGAI TECEMAR JEJAS NELAYAN, NASIONAL, SH -21<br>CADANG NELAYAN DIUPAH KUTIP SAMPAH SECARA PUKAL, NASIONAL, SH -21<br>HARGA IKAN KEKAL MURAH DI KELANTAN, DALAM NEGERI, UM -29<br>KAJI SEMULA SYOR NAIK HARGA BERAS PUTIH, DALAM NEGERI, UM -29 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | THE STAR | NATION | 6 |

# Crackdown on padi seed shenanigans

THERE will be strict enforcement, among other measures, to ensure padi seedlings can be planted according to schedule to avoid a shortage due to delays, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister warned that stern action would also be taken against those who hoard local padi seeds, adding that several arrests had been made in over 20 locations involving such activities.

"As for planting padi seedlings, we will act to ensure the planting schedule is followed as much as possible," he said in reply to a supplementary question from Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang) in the Dewan Rakyat yesterday.

The lawmaker had raised complaints by padi farmers over the lack of padi seeds.




**Serious matter:** Mohamad said stern action will be taken on those hoarding local padi seeds. – Bernama

Farmers have claimed that some seeds were being sold above the controlled price and that this could lead to them not being able to plant sufficient padi this season.

To this, Mohamad said there should be no incidents of padi seeds being "hidden".

"All involved must give their full cooperation. On the price of rice, this can be discussed later. But now, we want padi planting to be expedited," he added.

*The Star* in its front page on Nov 11 reported that in five months, the country may face a severe shortage of local white rice due to unpredictable weather and the bloated price of padi seeds.

The erratic weather, said to be the result of climate change, has also concerned padi farmers even though they have switched to a schedule that would allow them to harvest five times every two years.

Another dilemma they face is a shortage in the supply of padi seeds, which has resulted in sky-rocketing prices.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |

Turut beri amaran terhadap pihak cuba sorok benih padi

# KPKM sudah buat tangkapan

DEWAN RAKYAT



KPKM memberi amaran kepada pihak yang cuba menyembunyikan benih padi. – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah membuat tangkapan terhadap pihak yang cuba menyembunyikan benih padi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sudah ada penangkapan di 20 tempat akibat perbuatan tersebut dan pihaknya akan bertindak melalui pelaksanaan penguatkuasaan jika masih berlaku.

"Jangan ada berlaku sorokan benih padi. Kita memberi amaran kepada mereka supaya bekerjasama. Soal harga padi dan benih padi, kita runding kemudian, tapi nak bagi orang tanam padi mesti disegerakan.

"Tidak boleh guna suasana begini untuk menekan satu perkara supaya mereka mencapai cita-cita mereka dengan menyeksa orang lain. Kita memberi jaminan kita akan bertindak sebaik mungkin supaya padi dapat ditanam tahun ini, mengikut jadual seboleh-bolehnya," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (**PN-Bukit Gantang**) mengenai rungutan pesawah susulan ketiadaan benih padi dalam pasaran, selain dijual pada kadar luar harga kawalan, sekali gus menyebabkan kemungkinan dalam kalangan mereka tidak dapat menanam padi pada musim ini.

Dalam pada itu, Mohamad menerusi hantaran di Facebook berkata, KPKM merangka lima strategi bagi memastikan sumber ternakan negara mencukupi serta mudah untuk diperoleh.

"Antara lima strategi utama KPKM adalah dengan meningkatkan kemampuan dan pertumbuhan lanjutan dalam industri penternakan ayam dan itik.

"Selain itu, bilangan ternakan ruminan juga akan ditambah dan kebolehcapaian pasaran sub industri ruminan kepada usahawan baharu bakal dipermudah," katanya.

Jelasnya, KPKM juga bakal meningkatkan usaha mengurangkan kehilangan ternakan akibat penyakit dan kebergantungan kepada bahan makanan ternakan yang diimport.

Ia bagi menjawab soalan asal Khoo Poay Tiong (**PH-Kota Melaka**) berhubung sasaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) bagi membantu pencapaian pembangunan sektor ternakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |



# Tangguh operasi kemasukan benih ikan baharu

**KUANTAN** - Penternak ikan sangkar di Pahang dinasihatkan menangguhkan operasi kemasukan benih baharu dalam tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang bermula pada bulan ini sehingga Mac tahun depan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, tindakan itu bagi mengelakkan anak ikan mati apabila banjir.

Menurutnya, penternak juga diminta mempertimbangkan untuk menjual ikan yang telah mencapai saiz pasaran dan mengosongkan sangkar.

FOTO: IHSAN JABATAN PERIKANAN PAHANG



**Abdullah (kiri) melawat projek ikan sangkar di Kampung Kelola.**

"Terdapat 1,262 penternak ikan sangkar dan lebih 13,025 unit sangkar ikan di sepanjang Sungai Pahang serta beberapa sungai utama lain di negeri ini

"Jadi bila tiba musim MTL kita akan keluarkan peringatan kepada mereka supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelak berlaku kerugian jika berlaku banjir besar," katanya ketika dihubungi pemberita pada Selasa.

Beliau memaklumkan antara langkah lain perlu diambil penternak ialah memastikan sangkar diikat kuat pada pokok menggunakan kabel besi dan tali berkualiti tinggi supaya ia berada dalam keadaan kukuh serta selamat.

Jelasnya, musim banjir risiko kemungkinan sangkar dilanggar balak dan timbunan kayu dibawa air adalah tinggi.

"Kalau boleh mereka merakam dan menyimpan gambar sistem ternakan (kolam, tangki atau sangkar ikan) sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana.

"Malah mereka perlu sentiasa peka dengan ramalan cuaca dan perubahan paras air sungai supaya tindakan awal dapat dilakukan sekiranya banjir," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan penternak agar sentiasa menitikberatkan keselamatan seperti memakai jaket keselamatan ketika berada di kawasan sangkar dan menaiki bot.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI | 28 |

# Jualan Rahmah, Agro Madani terus jadi tumpuan

**KUALA LUMPUR** - Insiatif Jualan Rahmah dan Agro Madani yang menawarkan harga jualan sehingga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran, terus menjadi tumpuan isi rumah untuk berbelanja.

Di **ALOR SETAR** Inisiatif Jualan Rahmah Bergerak di hadapan Masjid Kariah Kampung Bukit, Derang, Pokok Sena di sini pada Selasa yang menawarkan 18 jenis barangan keperluan, termasuk beras import, ayam standard dan minyak masak, tidak putus-putus dikunjungi penduduk setempat.

Suri rumah, Noor Asma Ghazali, 45, dari Kampung Baru, di sini berkata, dia tidak melepaskan peluang membeli beras putih import kampit lima kilogram (kg), yang hanya dijual pada harga RM14.



Penduduk, Ahmad Yusof Husin, 63, (kiri) menyemak senarai harga barangan sempena Inisiatif Jualan Rahmah Bergerak di hadapan Masjid Raudatul Solihin, Derang, Pokok Sena pada Selasa.

"Jimat banyaklah, terkejut saya kerana di kedai biasa kampit yang sama dijual mencecah hingga RM20, saya pun datang belilah sebab murah... ada milo, ayam, bawang pun murah dan banyak dijual," katanya.

Senada dengannya Nor Mariyana Ghazali, 35, yang menyifatkan inisiatif Jualah Rahmah memberi penjimatan kepada perbelanjaan isi rumah, sekali gus membantu orang ramai terutamanya di kawasan pedalaman menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Laila Hasan, 58, pula mencadangkan agar beberapa barangan lain seperti telur ayam, daging dan buah-buahan segar, turut dijual pada kadar murah dalam program berkenaan.

Sementara itu di **NEGERI SEMBILAN** program Agro Madani di Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) di Jalan Paroi-Senawang, kira-kira lapan kilometer dari bandar Seremban, menawarkan jualan ayam super dan standard masing-masing serendah RM9 dan RM8.50 sekilogram.

Pengurus Besar PPN Negeri Sembilan, Ahmad Muzani Mat berkata, antara barangan lain dijual dengan harga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran ialah daging dan telur, serta beras tempatan kampit 10kg yang boleh didapati pada harga RM26.

"Program ini memang setiap bulan kita adakan, termasuk program lain seperti Jualan Rahmah dan Program Jualan Harga Ladang Nismilan Prihatin yang dapat mengurangkan beban penduduk setempat mendapatkan barangan dengan harga murah dan berpatutan," katanya.

Bagi pembeli Sudin Pongot, 52, berkata, jualan Agro Madani tersebut membolehkan beliau berbelanja kurang RM20 untuk membeli seekor ayam, sayur dan minyak masak. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Orang ramai hadir membeli barangan keperluan seperti beras, ayam, minyak masak, tepung gandum dan makanan kering yang berharga sehingga 40 peratus lebih rendah berbanding di pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | SINAR HARIAN | BISNES | 30 |

# ACM, BASF perkasa sektor pertanian

**SHAH ALAM -** Dua syarikat kimia pertanian, Agricultural Chemicals (M) Sdn Bhd (ACM) dan BASF (Malaysia) Sdn Bhd (BASF) telah memeterai perjanjian kerjasama strategik pada Selasa untuk memperkasakan sektor pertanian di negara ini.

ACM dalam satu kenyataan berkata, kerjasama itu akan memberi impak positif kepada bidang pertanian di negara ini khususnya industri padi melalui perkongsian teknologi dan kepakaran.

"Mulai November 2023, ACM akan mengendali produk BASF dalam Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) iaitu racun rumpai Basagran M60, Facet SC dan Tepat.

"ACM yang berkemampuan logistik, urusan pembekalan produk dalam SIPP akan menjadi lebih cekap dan petani akan menikmati hasil terbaik daripada nilai yang dilaburkan kerajaan," jelas kenyataan itu.

Dalam majlis itu yang diadakan di Pulau Pinang, Ketua Pegawai Eksekutif ACM, Kevin Cheong dan Ketua Negara BASF Malaysia, Janice Lim telah menandatangani perjanjian tersebut sambil disaksikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Ismail Umar.




**Kevin (duduk, kiri) dan Janice (duduk, kanan) menandatangani perjanjian tersebut sambil disaksikan Ismail (berdiri, empat dari kiri).**

Menurut kenyataan itu, kerjasama strategik ACM dan BASF itu akan membantu para petani menyelesaikan masalah di lapangan, sekali gus meningkatkan pengeluaran hasil padi selaras dengan hasrat kerajaan dalam menyasarkan tahap sara diri 100 peratus.

ACM dan merupakan antara syarikat yang telah diberikan tanggungjawab oleh kerajaan sebagai pembekal input pertanian di dalam SIPP. ACM mempelopori industri pengeluaran bahan kimia pertanian serta peralatan mekanisasi perladangan khususnya untuk tanaman padi sejak tahun penubuhannya pada 1969 .

ACM mempunyai kilang racun di Kawasan Perindustrian Perai, Pulau Pinang dan Pusat Penyelidikan (Selama Research Centre) di Selama, Kedah.

ACM mengetengahkan teknologi daripada negara Jepun dalam merangka solusi untuk pengurusan tanaman di Malaysia serta melibatkan mekanisasi penyemburan ACM memperkenalkan teknologi dari Jepun dan Brazil.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# UMT bantu orang buta tanam melon

**KUALA NERUS** – Cacat penglihatan bukan halangan buat 10 ahli Persatuan Cacat Penglihatan Terengganu (SBM) untuk menceburi pertanian tanaman Melon Manis Terengganu (MMT).

Pengerusi SBM, Mohd. Imranfaisal Zulkifli berkata, mereka menanam buah tersebut dengan tunjuk ajar pakar sains tanaman dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"Sebelum mula bertani, kami menyertai kursus jangka pendek bagi mempelajari teori penanaman MMT pada bulan Ogos lalu.

"Modul kaedah penanaman MMT telah diterjemahkan dalam tulisan braille bagi memudahkan lagi pemahaman kami," katanya di kebun MMT di Teluk Ketapang, di sini semalam.

Beliau memberitahu, penanaman dan penjagaan kebun MMT itu dilakukan peserta program Petani Buta sendiri dengan bantuan ahli keluarga masing-masing.

Katanya, projek perintis tersebut yang telah berjalan kira-kira tiga bulan lalu sudah boleh dituai semalam.

> Modul kaedah penanaman MMT telah diterjemahkan dalam tulisan braille bagi memudahkan lagi pemahaman kami."
>
> **MOHD. IMRANFAISAL**

"Alhamdulillah tuaian sulung mengeluarkan 150 biji buah yang purata berat setiap biji 1.3 kilogram. Jualan kesemua buah MMT hasil tuaian itu dijangka mencecah RM1,500," ujarnya.

Penyelidik Sains Tanaman Fakulti Perikanan dan Sains Tanaman UMT, Dr. Wan Zaliha Wan Sembok berkata, projek Petani Buta adalah pemindahan ilmu bagi membantu golongan orang kelainan upaya dalam menjaja pendapatan sampingan.

Beliau berkata, ia merupakan inisiatif berterusan UMT membantu golongan memerlukan meningkatkan pendapatan masing-masing.



PESERTA program Petani Buta menunjukkan hasil buah MMT yang diusahakan di Teluk Ketapang, Kuala Nerus semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Sungai tercemar jejas nelayan

Pencemaran Sungai Skudai semakin parah dengan keadaan sungai yang dipenuhi sampah sarap sehingga menjejaskan pendapatan nelayan sejak beberapa tahun lalu.

Sungai yang terletak di Johor Bahru itu merupakan satu daripada 14 sungai yang tercemar di negeri itu walaupun kerap dibersihkan.

Ikuti laporan wartawan, NOR AZURA MD AMIN yang meninjau permasalahan dan mendengar luahan hati nelayan terbabit.



Keadaan Sungai Skudai yang dicemari sampah sarap hingga menjejaskan pendapatan nelayan.

**KIRA-KIRA** 200 nelayan pantai antaranya di Bakar Batu, Batu 4, Telok Serdang, Melana 2, Skudai Kiri, Pengkalan Rinting, Kampung Sungai Perling dan Tampoi Utama bergantung dengan Sungai Skudai sebagai sumber rezeki.

Bagaimanapun, Rosli Esa, 53, berkata, pencemaran yang berlaku mengancam hidupan laut seperti ikan dan udang yang satu masa dahulu banyak terdapat di Sungai Skudai.

Nelayan itu berkata, enjin bot nelayan juga kerap mengalami kerosakan kerana sampah sering tersangkut ketika turun ke sungai.

"Sungai tercemar teruk sejak 10 tahun lalu selepas banyak kawasan perumahan dan industri yang dibangunkan. Sampah sarap yang dibuang di bawa arus ke laut menerusi Sungai Skudai.

"Bukan sahaja tangkapan berkurangan, tetapi nelayan terpaksa berdepan kerugian kerana enjin bot rosak selepas sampah seperti plastik tersangkut.

"Kos membaiki enjin bot dianggarkan antara RM300 hingga RM400. Dalam setahun, lima kali enjin bot rosak sebab tersangkut sampah," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambahnya, keadaan sungai yang tercemar mengakibatkan nelayan di Pengkalan Taman Tampoi Utama terpaksa menjaring ikan di kawasan lain yang tidak tercemar untuk mencari rezeki.



ROSLI



ZULFAHMI

"Nelayan tidak boleh lagi bergantung dengan Sungai Skudai, sebab hendak dapat ikan dan udang sangat susah. Banyak kali balik dengan tangan kosong.

"Mahu tidak mahu, kami terpaksa keluar sejauh tujuh kilometer (km) ke Puteri Harbour untuk tangkap ikan. Ada juga nelayan yang ke Pulau Kukup sejauh 40km," katanya.

Zulfahmi Yusof, 28, pula berkata, bukan sahaja berisiko, malah memerlukan modal yang besar bagi membeli diesel untuk menangkap ikan di luar dari kawasan Sungai Skudai.

"Kos duit minyak bot untuk ke Puteri Harbour sekitar RM60 ringgit dan Pulau Kukup di Pontian pula hampir RM200.

"Kalau tak keluar dari Sungai Skudai memang tak dapat tangkap ikan. Kalau ada pun tangkapan di Sungai Skudai sangat sikit, dalam RM30 sehari. Itu pun tak menentu, ada kalanya pulang tangan kosong," ujar lelaki itu.

Tambah Zulfahmi, masalah pencemaran yang berlaku menyebabkan pelbagai jenis ikan mati, selain air sungai menjadi keruh dan kadangkala berbau busuk.

Jelasnya, sampah sarap yang dibuang dibawa arus ke laut dan bilangannya semakin bertambah walaupun sudah dipasang perangkap sampah.

"Hampir setiap masa, kecuali air surut, sampah akan kelihatan hanyut di permukaan sungai. Sampah dari lembangan anak sungai akan mengalir ke sungai utama ketika air pasang besar.

"Orang ramai sering mengadu apabila melihat sampah penuh dalam Sungai Skudai. Ia sebenarnya memberi imej negatif kepada nelayan di Sungai Skudai kerana bukan kami yang buang sampah-sampah ini," katanya.



Sampah sarap yang dibawa arus di Sungai Skudai.

## Cadang nelayan diupah kutip sampah secara pukal



Yusoff menunjukkan jaring yang rosak kerana sampah kerap tersangkut.

**KETUA** Pengkalan Nelayan Taman Tampoi Utama, Yusoff Setam mencadangkan agar nelayan diupah untuk mengutip sampah secara pukal sekali gus dapat menambahkan pendapatan golongan itu.

Katanya, cadangan itu juga mampu membantu memulihkan keadaan Sungai Skudai kerana sampah sarap di atas permukaan sungai akan dikutip nelayan yang mahir dengan selok-belok keadaan sungai.



YUSOFF

"Ini bukan cadangan baharu, tetapi ia pernah dilaksanakan sebelum penularan Covid-19. Ketika itu, gotong- royong bersihkan Sungai Skudai dilakukan.

"Sampah yang dikutip dari sungai ditimbang secara pukal sebelum dijual dengan harga 10 sen hingga 30 sen sekilogram. Selepas itu, jualan sampah pukal tidak lagi dilakukan.

"Saya berpandangan jualan sampah pukal wajar diwujudkan semula kerana ia serampang dua mata. Selain dapat membersihkan sungai ia juga dapat tambah pendapatan nelayan," ujar beliau.

Selain itu jelasnya, kebanyakan nelayan di pantai merupakan golongan berusia 40 hingga 60 tahun dan sukar mencari pekerjaan lain.

"Jika ada pun, kerja-kerja sambilan membantu kontraktor membina atau membaik pulih rumah dengan kadar gaji harian. Tetapi itu pun, bukan selalu ada.

"Kami masih menjadi nelayan walaupun Sungai Skudai tercemar dengan teruk," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Harga ikan kekal murah di Kelantan



SALAHUDIN Hasanordin menyusun ikan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan, semalam. – UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

Oleh ROSLIZA MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA BHARU:** Harga ikan yang dijual di beberapa pasar di sini kekal murah susulan nelayan masih lagi turun ke laut mencari hasil meskipun cuaca mulai tidak menentu ketika ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah semalam, mendapati berlaku penurunan harga sebanyak RM2 hingga RM10 sekilogram (kg) mengikut jenis ikan.

Difahamkan harga rendah itu sudah bertahan sejak tiga bulan lalu sekali gus membuatkan pengguna senyum lebar.

Seorang peniaga, Salahudin Hasanordin, 30, berkata, harga ikan selayang atau lebih dikenali sebagai ikan rakyat dijual pada RM6/kg manakala ikan kembung antara RM14 hingga RM16/kg bergantung kepada saiz.

Menurutnya, sebelum ini ikan selayang dijual RM8 hingga RM10/kg manakala kembung RM18 hingga RM20/kg.

"Ikan selar, sebelum ini RM24 (S/kg) manakala hari ini turun kepada RM15 (S/kg). Walaupun 'bunga bunga' musim tengkujuh nampak sudah bermula, namun harga masih lagi murah.

"Setakat ini, saya tidak berdepan dengan masalah bekalan. Semua ikan-ikan yang saya jual diperoleh dengan pembekal di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Hafiz Kamal, 31, memberitahu, walaupun berlaku penurunan harga namun permintaan terhadap ikan masih lagi rendah kecuali hari minggu.

# Kaji semula syor naik harga beras putih



A. VIJAYAKUMARAN

**SEREMBAN:** Sebarang kenaikan harga bagi barangan keperluan asas pengguna ketika ini hanya akan menambah beban kepada pengguna.

Sehubungan itu, Pengerusi Persatuan Pelindung Pengguna Negeri Sembilan, A. Vijayakumaran berkata, kerajaan perlu mempertimbang semula cadangan untuk menaikkan harga beras putih tempatan (BPT) dan gula di pasaran.

Jelas beliau, pendapatan kebanyakan rakyat masih tidak mencukupi bagi menampung peningkatan pelbagai harga barangan yang membebankan mereka.

"Cadangan itu hanya menambah beban rakyat, pendapatan rakyat masih kurang, sebagai persatuan pengguna, sudah tentu saya tidak bersetuju, sebagai kerajaan, penting untuk mencari jalan mengurangkan beban rakyat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Vijayakumaran yang juga Naib Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) berkata demikian bagi mengulas mengenai kerajaan mungkin menaikkan harga BPT dan gula tidak lama lagi selepas mengambil kira BPT sudah lama tidak dinaikkan manakala gula pula, pihak industri mengalami kerugian kerana peningkatan harga gula dunia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perbincangan berkaitan cadangan menaikkan harga BPT daripada RM2.60 sekilogram kepada RM3.30 sekilogram sedang dijalankan melibatkan kementerian.

Bagaimanapun, Mohamad berkata, perkara itu akan dikaji terlebih dahulu dengan mengambil kira beban yang dihadapi penanam padi, pemborong, pengilang dan pengguna.

Sementara itu, Vijayakumaran menggesa kerajaan untuk menyelesaikan isu kekurangan bekalan BPT di pasaran.